

SOALAN NO: 487

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil terhadap majikan yang tidak membayar gaji minimum seperti di dalam Laporan PERKESO.

PR-1343-T76740

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, isu mengenai data 2.14 juta majikan yang tidak membayar gaji minimum seperti yang dilaporkan PERKESO tidak boleh dianggap sebagai data muktamad untuk dijadikan indikator bahawa ramai majikan tidak membayar gaji minimum kerana ia perlu mengambilkira sebab-sebab berikut:

- (i) Data tersebut adalah berdasarkan data caruman sebulan pekerja termasuk caruman pekerja yang bekerja dalam tempoh kurang daripada sebulan selain terdapat perbezaan caruman; dan
- (ii) Disamping itu, data tersebut juga diproses berasaskan tafsiran gaji di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang mana berbeza dengan tafsiran gaji minimum iaitu gaji pokok seperti yang termaktub dibawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

2. Sehubungan dengan itu, pihak PERKESO akan membuat pecahan data mengikut kategori kumpulan pekerja seperti pekerja sepenuh masa dan separa masa, pekerja kasual dan lain-lain bagi mendapatkan jumlah sebenar majikan yang mencarum dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 di samping mengambilkira tafsiran gaji Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 untuk mendapat data sebenar majikan yang mencarum mengikut kadar gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berhubung isu penguatkuasaan terhadap majikan yang tidak mencarum caruman PERKESO berdasarkan gaji minimum, pihak PERKESO dan Jabatan Tenaga Kerja akan sentiasa bekerjasama bagi penyelarasan penguatkuasaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil ke atas majikan yang gagal mencarum caruman

PERKESO mengikut kadar gaji minimum dan majikan yang gagal membayar gaji minimum.